



## NOTIS MAKLUMAN

### PENGOPERASIAN SEMULA LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM

Dimaklumkan bahawa **Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)** termasuk **Kaunter Pusat dan Pusat Panggilan Utama (03-8880 1600)** akan kembali beroperasi seperti biasa bermula **Isnin, 22 Februari 2021**.

Walau bagaimanapun, **LPPSA akan beroperasi pada kadar minima iaitu dengan kapasiti yang terhad** selaras dengan Surat Arahan Pengoperasian Pejabat Kerajaan Di Bawah Perintah-Perintah Kawalan Pergerakan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Ruj.: PA.100-1/4/2 (15) bertarikh 12 Januari 2021.

Oleh itu, **para pelanggan dinasihatkan agar menggunakan medium komunikasi rasmi LPPSA** yang telah disediakan bagi mengelakkan kesesakan di Kaunter Pusat dan Talian Khidmat Pelanggan:

- a) Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA eTiket di <https://etiket.lppsa.gov.my/>;
- b) Membuat semakan sendiri melalui LPPSA MY FINANCING (Mobile App) Panduan Pengguna boleh dirujuk di Laman Sesawang Rasmi LPPSA <http://www.lppsa.gov.my/en/media/aplikasi-mudah-alih/>; atau
- c) Semakan melalui Portal Permohonan Pembiayaan LPPSA di <https://lms.lppsa.gov.my/JACCESS/portal/>.

LPPSA menjangkakan akan terdapat sedikit kelewatan dalam urusan berkaitan pembiayaan LPPSA. Kerjasama dan kesabaran anda berurusan dengan LPPSA sepanjang tempoh PKP ini amat dihargai. Sebarang maklumat terkini mengenai operasi LPPSA akan dimaklumkan dari semasa ke semasa di laman sesawang rasmi LPPSA, [www.lppsa.gov.my](http://www.lppsa.gov.my) dan Facebook Page LPPSA, [@OfficialPageLPPSA](https://www.facebook.com/OfficialPageLPPSA).

**21 Februari 2021**